KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE

UNTUK MAKLUMAN :

Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR

11 APRIL 2021 (AHAD)

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

11 APRIL 2021 (AHAD)

BH AHAD
MERENTAS GENERASI www.bharian.com.my

HARI : AHAD
TARIKH : 11/4/2021
M/SURAT : 1

84 jual air kosong lebih RM1 diberi notis

Penguat kuasa KPDNHEP Selangor mengeluarkan notis terhadap premis makanan menjual air kosong lebih RM1 setiap gelas.

Oleh Zatul Iffah Zolkiply
bhnews@bh.com.my

Kuala Terengganu: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengeluarkan 84 notis untuk menyiasat peniaga premis makanan dan minuman yang didapati menjual air kosong melebihi RM1 segelas.

Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid, berkata air kosong sepatutnya tidak dicaj lebih daripada 30 sen, tetapi ada kedai yang mengenakan harga melebihi RM1.

"Ini tidak sepatutnya berlaku... mungkin harga yang sesuai adalah antara 20 atau 30 sen sahaja.

"Peniaga tidak sepatutnya mengaut keuntungan berlebihan, jadi kita ambil tindakan siasatan terhadap peniaga terbabit," katanya selepas merasmikan Program Jelajah Franchise Bay Peringkat Negeri Terengganu di KTCC Mall di sini, semalam.

Beliau berkata, daripada 84 notis itu, Kelantan merekodkan jumlah kes paling tinggi dengan 14 notis dikeluarkan, diikuti Selangor (12), manakala Sabah, Sarawak dan Johor masing-masing lapan notis.

BH AHAD

HARI : AHAD

TARIKH : 11/4/2021

M/SURAT : 14

Peniaga jual air kosong mahal kena jawab notis

Dari Muka 1

Pahang merekodkan tujuh kes, Terengganu (enam kes) dan setakat ini hanya Kedah dan Putrajaya tiada sebarang notis dikeluarkan.

"Notis bertulis itu diberi untuk siasatan lanjut mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 kerana disyaki wujud unsur pencatutan.

"Pemeriksaan dan tindakan itu diambil menerusi Ops Catut 8.0 (air kosong) yang dilaksanakan KPDNHEP di seluruh negara.

"Operasi ini dijalankan terhadap restoran mewah, biasa, makanan segera, francais dan kedai makan serta warung selama sembilan hari bermula 7 April lalu susulan aduan yang diterima mengenai harga air kosong yang mahal dikenakan peniaga.

"Penguat kuasa KPDNHEP akan meneruskan operasi ini yang masih berbaki lima hari bagi memastikan hak pengguna terjamin, manakala peniaga tidak mengaut keuntungan berlebihan," katanya.

Peniaga yang diberi notis itu akan diberi masa dua hingga lima hari (hari bekerja) untuk memberi maklumat diperlukan KPDNHEP sebelum tindakan lanjut diambil mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Rosol (tengah) selepas merasmikan Program Jelajah Franchise Bay Peringkat Negeri Terengganu di KTCC Mall, Kuala Terengganu, semalam. (Foto Ghazali Kori/BH)

Rosol yang juga Ahli Parlimen Hulu Terengganu berkata, KPDNHEP juga sedang memantau jualan motosikal yang dikatakan menyukarkan pelanggan membeli secara tunai, khususnya di sekitar Lembah Klang.

"Baru-baru ini saya dapat aduan pelanggan yang mendakwa mereka sukar membeli motosikal secara tunai kerana penjual lebih gemar menjual secara ansuran.

"Sekiranya ada laporan yang mendapati peniaga menekan pelanggan, KPDNHEP boleh siasat. Mungkin ada kesalahan boleh dikenakan tindakan terutama jika peniaga menetapkan harga berbeza bagi pembelian motosikal secara tunai atau ansuran bulanan," katanya.

Beliau syak ini berlaku disebabkan ada pakatan antara syarikat motor dengan firma kewangan.

"Bayangkan kalau lima peratus atau lapan peratus caj faedah selama lima tahun, berapa banyak yang dia akan dapat (berbanding pembelian secara tunai)... jika ada dua harga berbeza mengikut cara pembelian, ini adalah salah," katanya.

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI AHAD

HARI : AHAD
TARIKH : 11/4/2021
M/SURAT : 6

84 kedai makan jual air kosong lebih RM1

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

KUALA TERENGGANU – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengesan 84 premis makanan di seluruh negara menjual air kosong pada harga tidak munasabah melebihi RM1.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, antara kes tertinggi dicatatkan di Kelantan iaitu 14 kes, Selangor (12 kes) dan Sabah serta Johor masing-masing lapan kes.

Beliau berkata, Pahang mencatatkan tujuh kes, Terengganu (enam kes), Kuala Lumpur (lima kes), Melaka (empat kes), Pulau Pinang dan Labuan (tiga kes) dan Perak, Negeri Sembilan dan Perlis (dua kes).

"Semua pengusaha premis makanan itu dikenakan notis (tunjuk sebab) mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

"Harga munasabah air kosong patut dijual pada harga 20 sen hingga 30 sen sahaja," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan program Jelajah Franchise Bay peringkat Terengganu di sini semalam.

Hadir sama Pengarah KPDNHEP Terengganu, Saharuddin Mohd. Kia.

Rosol berkata, setakat ini, kes penjualan air kosong pada harga tidak munasabah tidak direkodkan di Kedah dan Putrajaya.

ROSOL

Ujar beliau, Ops Catut 8.0 (Air Kosong) dijalankan mulai 7 April lalu sehingga 15 April ini.

"KPDNHEP memandang serius penjualan air kosong pada harga tidak munasabah di premis-premis makanan kerana menerima rungutan daripada pengguna di seluruh negara," katanya.

Kosmo! kelmarin melaporkan sebanyak 12 premis makanan di Selangor dikenakan tindakan kerana menjual air kosong pada harga tidak munasabah.

Penjualan air kosong itu berlaku di restoran mewah, restoran biasa, restoran makanan segera beberapa premis kedai makanan lain.

PREMIS makanan di Selangor diperiksa selepas didapati menjual air kosong dengan harga yang tidak munasabah kelmarin.

Metro Ahad
www.hairanmetro.com.mai

HARI : AHAD
TARIKH : 11/4/2021
M/SURAT : 1

84 PREMIS MAKANAN DISIASAT

AIR KOSONG CEKIK DARAH!

Sepatutnya tidak lebih daripada 30 sen namun 84 premis makanan di seluruh negara dikesan menjual air kosong pada harga melebihi RM1 segelas. Tatkala notis siasatan sudah dikeluarkan kepada pemiliknya, orang ramai mendesak kerajaan lebih bertegas dalam melindungi pengguna.

Tapor Amir Abd Hamid dan Zatul Iffah Zolkiply

MS8

Metro Ahad
www.hairanmetro.com.mai

HARI : AHAD
TARIKH : 11/4/2021
M/SURAT : 8

Elak caj melampau 'berjangkit' ke premis lain

Sepang: Persatuan Pengguna Melayu Malaysia (PPMM) meminta kerajaan lebih giat dan tegas menjalankan operasi serta tindakan terhadap peniaga cekik darah menjual air kosong melebihi RM1 segelas.

Presidennya, Che Hassan Che Johan berkata, tindakan tegas berterusan itu perlu dilaksana bagi memastikan harga air kosong dapat dikawal sebaik-baiknya.

Menurutnya, jika tidak dikawal dibimbangi harga melampau air kosong yang ditawarkan di sesetengah premis 'menjangkit' ke premis lain dan menyebabkan kerugian kepada pengguna.

> *Tindakan tegas perlu selalu ada supaya peniaga tidak sesuka hati letak harga tinggi untuk segelas air kosong"*
>
> **Che Hassan**

"Tindakan tegas perlu selalu ada supaya peniaga tidak sesuka hati letak harga tinggi untuk segelas air kosong.

"Melampau jika air kosong atau air masak atau air paip sekali pun ditawarkan melebihi RM1 segelas.

"Jika nak diikutkan, sebenarnya, bukan air kosong saja, ada sesetengah premis boleh pula tawarkan teh ais secara percuma.

"Namun, seandainya nak caj juga air kosong, letakl harga beberapa sen sahaja. Bukannya nilai menyebabkan pelanggan sakit hati waktu membuat bayaran," katanya.

Menurutnya, pihak persatuan ada menerima banyak aduan terutama membabitkan premis dikatakan 'ada kelas tersendiri.'

Katanya, tauke premis meletakkan harga menindas sewajarnya mendapat pengajaran setimpal dengan dikenakan tindakan tegas.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dilaporkan sudah mengeluar 84 notis untuk menjalankan siasatan terhadap peniaga yang menjual air kosong melebihi RM1 segelas.

Metro Ahad
www.hairanmetro.com.mai

HARI : AHAD
TARIKH : 11/4/2021
M/SURAT : 8

AIR KOSONG CEKIK DARAH

84 NOTIS DIKELUARKAN

KPDNHEP ambil tindakan di seluruh negara

Oleh Zatul Iffah Zolkiply
zatuliffah@hmetro.com.my

Kuala Terengganu

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengeluarkan 84 notis kepada peniaga seluruh negara kerana didapati menjual air kosong melebihi RM1 segelas.

Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid berkata, Kelantan merekodkan jumlah kes paling tinggi dengan 14 notis dikeluarkan diikuti Selangor (12) manakala Sabah, Sarawak dan Johor masing-masing lapan notis.

Beliau berkata, Pahang turut merekodkan tujuh kes, Terengganu (enam kes) dan hanya negeri Kedah serta Putrajaya belum merekodkan sebarang notis dikeluarkan.

"Notis bertulis untuk siasatan lanjut mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 kerana disyaki wujud unsur pencatutan ini dikeluarkan susulan Ops Catut 8.0 (air kosong) yang dilaksanakan KPDNHEP di seluruh negara.

"Operasi ini dijalankan terhadap restoran mewah, biasa, makanan segera, francais dan kedai makan serta warung selama sembilan hari bermula 7 April lalu susulan aduan yang diterima mengenai harga air kosong yang mahal dikenakan peniaga.

"Penguat kuasa KPDNHEP akan meneruskan operasi ini yang masih berbaki lima hari bagi memastikan hak pengguna terjamin manakala peniaga tidak mengaut keuntungan berlebihan.

> *Notis bertulis untuk siasatan lanjut mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 kerana disyaki wujud unsur pencatutan ini dikeluarkan susulan Ops Catut 8.0 (air kosong) yang dilaksanakan KPDNHEP di seluruh negara"*
>
> **Rosol Wahid**

"Sepatutnya air kosong hanya dicaj tidak lebih daripada 30 sen, tetapi ada kedai yang mengenakan harga melebihi RM1, jadi kita ambil tindakan melakukan siasatan," katanya selepas merasmikan Program Jelajah Franchise Bay Peringkat Negeri Terengganu di KTCC Mall di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti), Datuk Ahmad Amzad Hashim; Pengerusi Jawatankuasa Keusahawanan, Sumber Manusia, Industri Mikro dan Hal Ehwal Penjaja negeri, Mohd Nur Khuzaini Ab Rahman dan Pengarah KPDNHEP Terengganu, Saharuddin Mohd Kia.

Metro Ahad
www.hairanmetro.com.mai

HARI : AHAD
TARIKH : 11/4/2021
M/SURAT : 8

'Lebih baik minum petrol...'

Sepang: Rata-rata orang ramai ditemui Metro Ahad dalam tinjauan pendapat menyifatkan harga segelas air kosong dijual melebihi RM1 adalah melampau.

Mazwadi Abdul Karim, 31, berkata, sepatutnya harga wajar paling tinggi pun 30 sen sahaja.

Malah, beliau yang bekerja sebagai juruteknik Malaysia Airlines berkata, kebanyakan kedai makan atau restoran tidak mengenakan sebarang caj untuk air kosong kepada pelanggan.

"Jika meletakkan harga demikian, keuntungan yang melampau peniaga itu bakal peroleh.

"Janganlah sibuk hendak mengaut keuntungan sahaja, tetapi akhirnya gagal mempedulikan orang yang mungkin sedang susah.

"Biasanya air kosong dipesan oleh pelanggan yang memang dalam 'bajet' (mengawal perbelanjaan) dalam ekonomi," katanya.

Mekanik, Afiq Affandie Aziz, 35, dengan nada keras pula berkata dengan harga air kosong yang mahal itu lebih baik minum diesel atau petrol sebab harga dah lebih kurang sama.

Beliau berkata, kos sara hidup yang tinggi sepatutnya tidak menjadi alasan peniaga tak bertanggungjawab untuk menaikkan harga cekik darah.

"Air kosong itu untuk menghilangkan dahaga dan mengelakkan tercekik bukannya untuk 'mencekik' pelanggan.

"Saya bersetuju dengan tindakan agresif Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengawal keadaan ini dengan tindakan terhadap peniaga," katanya.

> "Biasanya air kosong dipesan oleh pelanggan yang memang dalam 'bajet'
> Mazwadi

Sinar harian
suara cakna komuniti anda

HARI : AHAD
TARIKH : 11/4/2021
M/SURAT : 12

84 notis air kosong caj lebih RM1

Kelantan catat paling tinggi iaitu dengan 14 notis, KPDNHEP akan teruskan Ops Catut 8.0

Oleh RAHAYU MUSTAFA

KUALA TERENGGANU

Rosol (dua dari kiri) melihat barangan yang turut dijual usahawan sempena Program Jelajah Franchise Bay Peringkat Negeri Terengganu di KTCC Mall, Kuala Terengganu pada Sabtu.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengeluarkan 84 notis kepada peniaga premis makanan dan minuman di seluruh negara kerana mengenakan caj air kosong melebihi RM1 segelas.

Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid berkata, daripada jumlah itu Kelantan merekodkan kes paling tinggi iaitu 14 notis diikuti Selangor (12) manakala Sabah, Sarawak dan Johor masing-masing sebanyak lapan notis.

Menurutnya, Pahang turut mencatatkan tujuh kes, Terengganu sebanyak enam kes dan setakat ini hanya Kedah dan Putrajaya belum merekodkan sebarang notis dikeluarkan.

"Notis bertulis untuk siasatan lanjut di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dikeluarkan kerana disyaki wujud unsur pencatutan susulan Ops Catut 8.0 (air kosong) yang dilaksanakan KPDNHEP di seluruh negara.

"Operasi ini dijalankan terhadap restoran mewah, biasa, makanan segera, francais dan kedai makan serta warung selama sembilan hari bermula 7 hingga 15 April ini," katanya selepas merasmikan Program Jelajah Franchise Bay Peringkat Negeri Terengganu di KTCC Mall, di sini pada Sabtu.

Hadir sama ialah Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Ahmad Amzad Hashim; Exco Keusahawanan, Sumber Manusia, Industri Mikro dan Hal Ehwal Penjaja Terengganu, Mohd Nur Khuzaini Ab Rahman dan Pengarah KPDNHEP Terengganu, Saharuddin Mohd Kia.

Mengulas lanjut, Rosol berkata, penguat kuasa KPDNHEP akan meneruskan operasi ini yang masih berbaki lima hari bagi memastikan hak pengguna terjamin manakala peniaga tidak mengaut keuntungan berlebihan.

"Sepatutnya air kosong hanya dicaj tidak lebih daripada 30 sen tapi ada kedai yang mengenakan harga melebihi RM1, jadi kita ambil tindakan melakukan siasatan," katanya.

Pada Sabtu, *Sinar Harian* melaporkan KPDNHEP Selangor mengeluarkan sebanyak 12 notis ke atas peniaga premis makanan berikutan menjual air kosong dengan harga tidak munasabah.

BH AHAD
MERENTAS GENERASI www.bharian.com.my

HARI : AHAD
TARIKH : 11/4/2021
M/SURAT : 14

Pengguna disaran elak beli emas terlalu murah

Alor Setar: Orang ramai perlu berhati-hati dalam urusan membeli barang kemas, terutama yang ditawarkan pada harga terlalu murah bagi mengelak diperdaya peniaga yang mengambil kesempatan berikutan penurunan harga logam itu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata kejatuhan harga emas menyebabkan ramai pengguna kini cenderung membelinya.

"Kita dapati emas kini menjadi benda penting kerana boleh diguna bagi banyak tujuan dan kita tidak mahu pengguna diperdaya, walaupun ia bukan barang kawalan tetapi peniaga perlu mengikut undang-undang ditetapkan.

"Orang ramai yang berasa diperdaya dalam urusan jual beli boleh tampil membuat aduan dan jika ada aduan, kita akan periksa dan ambil tindakan ke atas peniaga terbabit," katanya di Kompleks Pekan Rabu, semalam.

Terdahulu beliau merasmikan Majlis Sambutan Hari Pengguna Kebangsaan Peringkat Negeri dan Kempen Pembudayaan Norma Baharu COVID-19 Pasar Awam.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Penguatkuasaan KPDNHEP, Azman Adam, berkata undang-undang mewajibkan peniaga mempamerkan dengan jelas harga harian emas dan upah yang dikenakan.

Pembeli juga perlu memastikan maklumat di resit belian jelas menyatakan harga jualan, berat emas dan upah dikenakan bagi mengelak berlaku penipuan ketika urusan jual beli.

"Pembeli kena pastikan mendapat dokumen berkenaan kerana jika mereka berasa emas yang dibeli tidak sama dengan kualiti sebenar, dokumen itu boleh diguna bagi proses tuntutan ganti rugi.

"Peniaga juga wajib melakukan penandaan pada setiap emas yang dijual sama ada ia 999, 950, 916 atau 875 dan sebagainya dengan pembeli perlu mengetahui emas apa dibeli," katanya.

Mengulas lanjut, Azman berkata, pihaknya sudah menerima lapan aduan berkaitan pembelian emas mengelirukan dengan kes terbabit dilaporkan berlaku dalam kalangan pengguna di Kedah, Kelantan dan Terengganu.

"Pengguna perlu bijak dalam melakukan pembelian, mereka perlu beli di tempat yang betul dan jangan terlalu tertarik pada tawaran emas yang dijual pada harga luar kebiasaan kerana kemungkinan wujud unsur tidak betul.

"Ketika ini, jualan emas turut dibuat secara dalam talian, jika peniaga itu berdaftar maka boleh dipercayai. Kita perlu faham bahawa emas bukan barang kawalan dan harganya ditentukan mengikut pasaran," katanya.

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI AHAD

HARI : AHAD
TARIKH : 11/4/2021
M/SURAT : 6

PEMBELIAN emas dalam talian dan di kedai perlu mempunyai bukti seperti resit. – GAMBAR HIASAN

Urusan jual beli emas perlu ada dokumen

Oleh JAMLIAH ABDULLAH

ALOR SETAR – Semua urusan jual beli emas di kedai emas atau dalam talian wajib mempunyai dokumen termasuk resit pembelian bagi mengelak pengguna ditipu.

Pengarah Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azman Adam berkata, pengguna boleh membuat tuntutan ganti rugi jika berlaku penipuan dalam urusan jual beli emas sekiranya mempunyai dokumen tersebut.

Menurutnya, KPDNHEP telah menerima tujuh aduan berhubung penipuan jual beli emas sepanjang tahun ini.

Katanya, kebanyakan aduan tersebut melibatkan kekeliruan dari segi harga yang ditawarkan di kedai emas.

"Terdapat akta atau undang-undang khusus berkaitan dengan logam berharga termasuk emas, perak dan sebagainya.

KERATAN *Kosmo!* 1 April 2021.

"Undang-undang itu antaranya mewajibkan semua penjual perlu mengeluarkan satu resit iaitu dengan jelas menyatakan berapa harga emas itu, berapa gram beratnya dan upah yang dikenakan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis Sambutan Hari Pengguna Kebangsaan Peringkat Negeri Kedah dan Kempen Pembudayaan Norma Baharu Sektor Peruncintan di Kompleks Pekan Rabu di sini semalam.

Majlis sambutan itu dirasmikan oleh Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

Sehubungan itu, kata Azman, jika ada pengguna yang mahu membeli emas, mereka mesti mendapatkan dokumen tersebut.

"Ini kerana dokumen itu nanti boleh digunakan jika ada proses tuntutan ganti rugi atau jika kita mendapati emas dan logam tidak sama dari segi kualiti yang ditanda dengan kualiti emas dijual," ujarnya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, pengguna perlu bijak memilih untuk membeli emas dan tidak terlalu tertarik dengan harga rendah yang ditawarkan.

"Kena buat pilihan di tempat yang betul, tidak kira beli secara online atau di kedai emas. Jangan tertarik dengan harga yang terlalu murah," jelasnya.

Metro Ahad
www.hairanmetro.com.mai

HARI : AHAD
TARIKH : 11/4/2021
M/SURAT : 17

Waspada jika harga emas terlalu murah

ALEXANDER (dua dari kiri) berbual dengan peniaga Pekan Rabu, semalam.

Alor Setar: Orang ramai perlu bijak dan waspada membeli emas yang ditawarkan dengan harga terlalu murah bagi mengelak diperdaya peniaga yang mengambil kesempatan kejatuhan harga logam itu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata, kejatuhan harga emas menyebabkan ramai pengguna cenderung membelinya bagi pelbagai tujuan selain dijadikan barang perhiasan.

"Kita dapati emas kini menjadi benda penting kerana boleh diguna bagi banyak tujuan dan kita tidak mahu pengguna diperdaya walaupun ia bukan barang kawalan, tetapi peniaga perlu mengikut undang-undang ditetapkan.

"Orang ramai yang berasa diperdaya dalam urusan jual beli boleh tampil membuat aduan dan jika ada aduan, kita akan periksa dan ambil tindakan ke atas peniaga terbabit," katanya pada sidang media di Kompleks Pekan Rabu di sini, semalam.

Terdahulu beliau merasmikan Majlis Sambutan Hari Pengguna Kebangsaan Peringkat Negeri dan Kempen Pembudayaan Norma Baharu Covid-19 Pasar Awam.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azman Adam berkata, undang-undang mewajibkan peniaga mempamerkan dengan jelas harga harian emas dan upah yang dikenakan.

Sinar harian
suara cakna komuniti anda

HARI : AHAD
TARIKH : 11/4/2021
M/SURAT : 14

Elak ditipu peniaga emas

KPDNHEP saran pengguna buat laporan jika ada unsur penipuan

Oleh WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR

ALOR SETAR

Alexander (dua dari kanan) mencuba membuat kuih bahulu viral semasa melawat kedai di Kompleks Pekan Rabu, Alor Setar pada Sabtu.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan melakukan siasatan sekiranya terdapat aduan daripada pengguna yang tertipu dalam aktiviti pembelian emas.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pengguna perlu membuat aduan terhadap pihaknya jika yakin ada peniaga kedai emas atau peniaga dalam talian mengambil kesempatan ke atas mereka.

"Emas ini penting bukan sekadar pakai tapi juga untuk pajak dan sebagainya. Oleh itu jika ada unsur-unsur luar biasa dan tidak berpatutan (unsur penipuan) kita akan bertindak (selepas aduan oleh pengguna dibuat)," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Majlis Sambutan Hari Pengguna Kebangsaan Peringkat Negeri dan Kempen Pembudayaan Norma Baharu Covid-19 Pasar Awam di Kompleks Pekan Rabu, Alor Setar pada Sabtu.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas tentang manipulasi dalam penjualan emas susulan kejatuhan harga logam tersebut sejak akhir-akhir ini.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Penguatkuasaan KPDNHEP, Azman Adam berkata, pihaknya menasihati orang ramai agar berwaspada dan membeli emas di tempat yang betul sahaja bagi mengelakkan penipuan.

"Pada tahun ini, terdapat lapan aduan daripada pengguna yang mendakwa ditipu dan kami sedang melatih pegawai-pegawai bagi mengenali kualiti semua emas berdasarkan penandaan yang dilakukan.

"Kalau kita tengok pada emas ini memang ada penandaan seperti 919, 916, 875, 950 dan sebagainya, penandaan ini wajib.

"Selain itu, harga emas ini juga ditetapkan oleh komuniti penjual emas dan mereka perlu mempamerkan harga jualan harian," katanya.

Mengulas lanjut, Azman berkata, KPDNHEP juga mewajibkan semua penjual emas mengeluarkan satu resit dengan jelas menyatakan harga jualannya, nilai gram dan berapa upah yang dikenakan terhadap emas yang dijual.

BH AHAD
MERENTAS GENERASI www.bharian.com.my

HARI : AHAD
TARIKH : 11/4/2021
M/SURAT : 8

Tiada undang-undang kawal penjualan ekzos

Agensi kerajaan bincang tindakan pantau kedai aksesori

Oleh Faris Fuad
faris.fuad@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tiada sebarang peruntukan undang-undang, setakat ini bagi mengawal penjualan ekzos di kedai aksesori seluruh negara.

Ia susulan dakwaan pihak berkuasa tidak memantau penjualan ekzos di kedai, sebaliknya hanya mengambil tindakan terhadap individu ubah suai ekzos motosikal sehingga bising.

Pengarah Bahagian Udara Jabatan Alam Sekitar (JAS), Mashitah Darus, berkata perkara itu bagaimanapun giat dibincangkan pada mesyuarat Jawatankuasa Kebangsaan Kelulusan Jenis Kenderaan (NCVTA) dipengerusikan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) untuk tindakan susulan.

Katanya, perbincangan itu juga membabitkan pelbagai agensi lain seperti JAS, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), polis serta Malaysia Automotive, Robotic and Internet of Thing (MARii) bagi menyelesaikan isu berbangkit.

Peniaga menunjukkan ekzos ubah suai yang dijual ketika tinjauan di kedai sekitar Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

> Mengikut bidang kuasa JAS ketika ini, kita hanya meluluskan spesifikasi ekzos bagi model motosikal dalam VTA. Dengan kata lain, hanya spesifikasi ekzos asal bagi model motosikal berkenaan dibenarkan
>
> ***Mashitah Darus,*** *Pengarah Bahagian Udara JAS*

"Mengikut bidang kuasa JAS ketika ini, kita hanya meluluskan spesifikasi ekzos bagi model motosikal dalam Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA).

"Dengan kata lain, hanya spesifikasi ekzos asal bagi model motosikal berkenaan dibenarkan. Kalau spesifikasi ekzos berbeza dengan diluluskan dalam VTA, ia tidak dibenarkan," katanya pada *BH*, semalam.

Mashitah berkata, kesalahan ekzos bunyi melebihi tahap ditetapkan boleh dikenakan tindakan mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987 dengan kompaun tidak melebihi RM2,000.

"JAS kuat kuasa peraturan ini sejak 1987. Sepanjang 2020, terdapat 92 ops bunyi bising motosikal dilaksanakan JAS dengan kerjasama polis dan JPJ di sekatan jalan raya.

"Daripada jumlah operasi itu, 6,279 motosikal diperiksa dan 205 kompaun dikeluarkan.

"Kita akan ambil tindakan kerana aras bunyi ekzos tinggi boleh mengganggu ketenteraman orang awam dan jika berterusan, ia boleh mengakibatkan tekanan serta gangguan emosi dan kehidupan orang ramai," katanya.

Dalam pada itu, Mashitah menafikan dakwaan ekzos bising antara kaedah mengelak kemalangan berlaku di jalan raya.

"Keselamatan penunggang motosikal bergantung kepada kaedah pemanduan yang betul apabila berhadapan dengan kenderaan berat, tidak menyelit dan menghimpit atau menunggang terlalu dekat.

"Oleh itu, tidak timbul isu bunyi bising ini boleh membantu mengelak kemalangan kerana ia boleh dielak dengan pelbagai cara yang selamat," katanya.

Sementara itu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, ketika dihubungi berkata; pihaknya perlu memperhalusi isu ekzos itu bersama pihak lain seperti Kementerian Pengangkutan, sebelum memberi komen lanjut.